

Press Statement

KERJASAMA JUALAN KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD (“KPD”) DAN DMM SALES SDN BHD (DMMS)

KPD dan DMMS telah bersetuju untuk mengadakan satu usahasama jualan kereta keluaran PERODUA dimana dijangka akan memberi manfaat kepada anggota-anggota KPD dan PDRM secara keseluruhannya.

Dengan bertemakan “Langkah Bijak Memiliki Kereta Pertama Anda” sememangnya usahasama ini turut diharap dapat menjadi pemangkin kepada anggota-anggota untuk memiliki kereta pertama mereka.

Selain daripada menikmati sebarang promosi yang dikeluarkan oleh PERODUA, DMMS akan memberi lagi rebat tunai di antara RM300 – RM500 kepada anggota mengikut model kereta yang dibeli. Perkhidmatan selepas jualan seperti laluan istimewa untuk anggota servis kenderaan, bengkel bergerak dan 20 point pemeriksaan kenderaan percuma merupakan keistimewaan yang disediakan.

Selain dari promosi seperti yang dinyatakan, usahasama ini juga menawarkan dua jenis promosi sampingan kepada anggota untuk membuat pilihan melanggan salah satu atau kedua-duanya iaitu :

- 1) GPS Tracker
- 2) Keahlian Car Replacement Program

Bagi anggota POLIS DIRAJA MALAYSIA (bukan anggota KPD) yang turut berminat untuk mendapatkan pakej istimewa ini, DMMS akan turut menanggung kos tambahan sebanyak RM130 untuk pembayaran yuran pendaftaran dan potongan caruman bulan pertama bagi menganggotai KPD.

Melalui kerjasama ini, tawaran yang diberikan oleh DMMS kepada anggota KPD boleh dianggap terbaik dan sebagai tambahan kepada faedah-faedah sediaada yang ditawarkan oleh KPD.

Kerjasama ini juga diwujudkan bagi menghargai semangat kesetiaan dan sokongan anggota kepada KPD sejak ianya ditubuhkan dan sehinggalah sekarang.